

Headline	TH terus bantu pelajar raih kecemerlangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	654 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Yahya Awang upeniSbh.com.my	AdValue	RM 22,544
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,632



Mohd Hanifah dan Mohd Norashid bergambar dengan peserta seminar.

# TH terus bantu pelajar raih kecemerlangan

» Taja seminar bimbingan peperiksaan mantapkan persediaan calon



Pelajar menumpukan perhatian ketika mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM 2014 di ADTEC.



“Pelajar antara lain mendapat pendedahan mengenai teknik menjawab soalan secara tepat, mengenal pasti maklumat dengan pantas”

Mohd Hanifah Kamarudin,  
Timbalan Pengarah TH Perak

Oleh Yahya Awang  
upeni@bh.com.my

## ► Taiping

**T**abung Haji (TH) akan terus bekerjasama dengan BH melalui Unit Pendidikan untuk menganjurkan Seminar Bimbingan Peperiksaan bagi membantu pelajar mencapai kecemerlangan.

Timbalan Pengarah TH Perak, Mohd Hanifah Kamarudin, berkata pihaknya yakin bimbingan penceramah pakar yang berpengalaman melalui program berkenaan dapat memantapkan persediaan calon menghadapi peperiksaan dengan lebih berkesan.

Beliau berkata, pelajar antara lain mendapat pendedahan mengenai teknik menjawab soalan secara tepat, mengenal pasti maklumat



Mohd Norashid Ahmad

dengan pantas dan mahir menilai isi yang penting.

“Ini sekali gus boleh membantu pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan nanti, terutama pada peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),” katanya.

## Ahli Kelab TaHa

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempur-

nakan majlis perasmian Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM 2014 anjuran TH dengan kerjasama BH di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Larut Matang & Selamat (LMS) (Bahasa Melayu Menengah), Mohd Norashid Ahmad.

Seramai 250 pelajar dari 25 sekolah menengah di daerah LMS yang merupakan ahli Kelab TaHa menyertai seminar berkenaan.

Mohd Hanifah berkata, terdahulu seminar sama diadakan di Tapah, April lalu, yang juga disertai 250 pelajar, selain dijadualkan berlangsung di Kuala Kangsar pada Ogos depan.

“Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 pula akan diadakan di Bagin Serai, Ogos ini, selepas berlangsung di Bota, baru-baru ini,” katanya.